



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/01/25/0093 ( 10 )  
Tarikh : 4 Februari 2025

**HELM CAPITAL SDN BHD**

28, Jalan Raja Ratnam,  
Taman Canning,  
31400 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p : Encik T Nesan)



Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN RETIKULASI AIR BAGI CADANGAN PEMBINAAN SKIM PERUMAHAN YANG MENDUNGSI: I) FASA 1: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357699-LOT 357714 II) FASA 2: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357682-LOT 357697 III) FASA 3: 14 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357668-LOT 357681 DAN IV) FASA 4: 10 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357656-LOT 35766S DI MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN HELM CAPITAL SDN.BHD.(LOKASI:BANDAR PENGKALAN INDAH,IPOH)**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak <b>RM5,508.00</b> seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-01-0093/25).
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak <b>RM2,340.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak <b>RM 500.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap) kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.
vii.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/01/25/0093 ( 10 )  
Tarikh : 4 Februari 2025

**PROJEK / KERJA : CADANGAN RETIKULASI AIR BAGI CADANGAN PEMBINAAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI: I) FASA 1: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357699-LOT 357714 II) FASA 2: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357682-LOT 357697 III) FASA 3: 14 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357668-LOT 357681 DAN IV) FASA 4: 10 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357656-LOT 35766S DI MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN HELM CAPITAL SDN.BHD.(LOKASI:BANDAR PENGKALAN INDAH,IPOH)**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

---

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana **tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), **Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/01/25/0093 ( 10 )  
Tarikh : 4 Februari 2025

**PROJEK / KERJA : CADANGAN RETIKULASI AIR BAGI CADANGAN PEMBINAAN SKIM PERUMAHAN YANG MENDUNGKI: I) FASA 1: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357699-LOT 357714 II) FASA 2: 16 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS A) DI ATAS LOT 357682-LOT 357697 III) FASA 3: 14 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357668-LOT 357681 DAN IV) FASA 4: 10 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT (JENIS B) DI ATAS LOT 357656-LOT 35766S DI MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN HELM CAPITAL SDN.BHD.(LOKASI:BANDAR PENGKALAN INDAH,IPOH)**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3773697** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan  
OSA/03022025/Wan/Izzati

Salinan kepada:

- 1. PENGARAH KEJURUTERAAN BANDARAYA**  
Majlis Bandaraya Ipoh,  
Jalan Sultan Abdul Jalil,  
Greentown,  
30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

